



**KHAMIS, 31 OKTOBER 2024
UNTUK SIARAN SEGERA**

**CAAM LANJUT PENGGANTUNGAN SEMENTARA SIJIL PERAKUAN
PENGENDALI UDARA MYBALLOON ADVENTURE**

PUTRAJAYA – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) melanjutkan tempoh penggantungan sementara Sijil Perakuan Pengendali Udara (AOC) bagi MyBalloon Adventure Sdn. Bhd. (MBA) selama 90 hari berkuatkuasa 1 November 2024, selaras dengan peraturan 193(3), Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016.

Dalam tempoh penggantungan sementara itu, MBA hendaklah tidak menggunakan apa-apa keistimewaan AOC yang diperuntukkan dalam perenggan 1.8, *Civil Aviation Directive 6004 Issuance and Renewal Requirements for AOC*.

Sehubungan dengan itu, MBA dinasihatkan untuk mematuhi kesemua kehendak kawal selia yang ditetapkan serta garis masa bagi memperoleh kelulusan Permit Perkhidmatan Udara (ASP) daripada Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) agar dapat beroperasi semula dengan selamat. Kegagalan untuk memperbaharui ASP dalam tempoh ditetapkan boleh mengakibatkan AOC MBA dibatalkan.

Sebagai badan kawal selia teknikal bagi industri penerbangan di Malaysia, CAAM komited dalam memastikan hanya syarikat pengendali yang mematuhi segala peraturan dibenarkan untuk beroperasi.

DATO' KAPTEN NORAZMAN BIN MAHMUD

Ketua Pegawai Eksekutif

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia